

CNS9078

R GB 26-07 00149 BH282

deb

Mahathir - Buku

I

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Malaysia masih ketinggalan dalam bidang penerbitan pelancongan bagi memperkenalkan kepada pelawat asing mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada beberapa buku mengenai Malaysia tetapi buku-buku itu tidak cukup dan jarang pula yang memperkenalkan negara.

+Sesetengah buku pula memberi gambaran yang negatif mengenai Malaysia,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir pada pelancaran rasmi buku bergambar bermutu antarabangsa bertajuk +Malaysia: Heart of Southeast Asia+ di sini.

Justru itu, amatlah penting program-program dan aktiviti khusus bagi industri pelancongan selari dengan kempen promosi pelancongan yang dijalankan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, usaha kerajaan dalam bidang ini merupakan proses kesinambungan dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RME), tumpuan utama dasar mengenai pelancongan ialah keberkesanan pembangunan sektor berkenaan. -- Lagi

♥26/07/22-26MST

CNS9079

R GB 26-07 00150 BH283

deb

Mahathir - Buku 2 Kuala Lumpur

Mengenai buku bergambar +Malaysia: Heart of Southeast Asia+, beliau berkata, buku itu lain daripada yang lain kerana tiada buku lain yang mempunyai antara gambar-gambar terbaik di dunia dan teks yang ditulis oleh penulis terkenal.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, gambar-gambar bermutu dalam penerbitan ini dengan sekelip mata sahaja memberi gambaran yang jelas mengenai keindahan semula jadi Malaysia.

+Pengaruh dan kesan apabila membacanya akan menjadi tarikan kepada pelawat dari seluruh dunia untuk melawat Malaysia.

Bagi rakyat Malaysia, buku ini akan memberi gambaran yang jelas mengenai warisan yang menjadi kemegahan rakyat dan rahsia yang tersembunyi,+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin buku itu bukan sahaja dapat menarik lebih banyak pelancong melawat Malaysia tetapi juga membantu menarik minat di kalangan rakyat Malaysia untuk melancong dalam negeri bagi melihat sendiri keindahan negara.

Sementara itu, ketika ditanya oleh pemberita mengenai kedudukan hubungan Malaysia dan Australia sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia akan menunggu perkembangan mengenai perkara itu.

+Kitatunggulah,+ kata Perdana Menteri.

Awal hari ini, Menteri Hal Ehwal Luar **dan** Perdagangan Australia Encik Gareth Evans melahirkan pandangan bahawa hubungan antara Malaysia dan Australia telah pulih sepenuhnya.

+Saya fikir kita boleh berkata sekarang bahawa hubungan telah pulih,+ kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura sebelum berlepas pulang.

Ketika dimintamengulas kenyataan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Saya harap begitu.+ -- Bernama

♥26/07/22-49MST